

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 3-2010

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 25 Mei 1990. Perayu telah memohon satu Ketetapan Kastam di bawah seksyen 10B Akta Kastam 1967. Ketua Pengarah Kastam telah memutuskan di dalam Ketetapan Kastam bertarikh 19 Julai 2010 bahawa barang dagangan *Wheel Hub And Bearing Assembly* (Trade Name: Hub and bearing assembly for real axle. Brand: JTKKT. Model: - 42410-BZ060 Alza Perodua) adalah di bawah kod tarif 8708. 70 990 yang tertakluk kepada duti import 30% dan cukai jualan 10%. Ketetapan Kastam nyatakan seperti berikut: *Wheel Hub And Bearing Assembly* diputuskan sesuai dipenjeniskan mengikut GIR 1 di bawah kod tarif 8708. 70 990 sebagai *wheel part* berdasarkan alasan berikut:-

Barangan adalah sebahagian daripada *wheel hub* yang merupakan *part* untuk kenderaan. Barangan seumpama ini mendapat liputan di bawah *heading* 8708 butiran (K), Explanatory Notes Harmonised System 2007 mukasurat XVII-8708-1 seperti berikut:

87.08 - Parts and accessories of the motor vehicles of headings 87.01 to 87.05.

8708.70 - Road wheels and parts and accessories thereof

This heading covers part and accessories of the motor vehicles of headings 87.01 to 87.05,.....

Parts and accessories of this heading include:

(K) *Road wheels (pressed steel, wire-spoked, etc.), whether or not fitted with tyres; tracks and sets of wheels for tracked vehicles; rims, discs, hub-caps and spokes.*

2. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 17 Ogos 2010.

ISU

Alasan rayuan ialah selaras dengan *General Rule Of Interpretation*, barang dagangan di atas tidak sesuai diperjeniskan sebagai *Wheel Part* di bawah kod tariff 8708. 70 990.

(Selepas rayuan difailkan pihak-pihak telah menjalani proses rundingan penyelesaian sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 141P Akta Kastam 1967. Perayu telah menarik balik rayuan)

KEPUTUSAN

Rayuan dibatalkan.

15 Oktober 2010